

# Lima MoU lebih RM30j ditandatangani

UM 12 OCT 2001 2001

LANGKAWI 11 Okt. — Sebanyak lima memorandum persefahaman (MoU) bernilai lebih RM30 juta ditandatangani pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01) yang memasuki hari ketiga di sini hari ini.

MoU itu ditandatangani oleh Business Fokus Intra (BFI) Sdn. Bhd., Comintel Bhd., Dawn Enterprise Sdn. Bhd., Langkawi Sea Farms Sdn. Bhd., dan Comlenia Sdn. Bhd., disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Turut hadir pada majlis yang diadakan di Awana Porto Malai itu ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pertanian, Datuk Norwawi Affendi dan Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn. Bhd., Tan Sri Abdul Wahid Nawid.

MoU antara BFI dan Polis Kebangsaan Filipina bagi membekalkan 10 unit bot peronda laju disaksikan oleh Pengarah BFI, Abdul Basit Asi Nizami dan Pengarah Polis Filipina, Jen. Reynaldo Velasco.

Projek bernilai RM18 juta itu akan dilaksanakan di Limbungan Lumut setelah kontrak menge-

nainya dimeterai tidak lama lagi.

Comintel Bhd., pula yang diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Shamsuri Arshad menandatangani perjanjian dengan GEM Elettronika SRL dari Itali yang diwakili oleh Pengarah Perniagaannya, Derezis Giovanni, bagi melengkapkan operasi sokongan untuk pelanggan syarikat di Timur Jauh.

Anak syarikat Comintel, Comlenia pula turut menandatangani perjanjian dengan Alenia Marconi Systems untuk menjalin usaha sama bagi tujuan memindahkan teknologi untuk perkhidmatan lebih baik kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Comlenia diwakili oleh Pengerusinya, Datuk Seri Ahmad Ramli Mohd. Nor manakala Alenia Marconi diwakili oleh Pengarahnya, Soccodato Giovanni.

Sementara itu, Pengarah Urusan Langkawi Sea Farms, Tan Sri Halim Mohamad pula menandatangani MoU dengan pesara tentera, Ibrahim Kassim dan Presiden Persatuan Nelayan Kawasan Sungai Kilim, Azmi Darus bagi membolehkan Ibrahim dan persatuan nelayan itu mengusahakan kolam ternakan ikan.